



Headline: RM24,400 lesap selepas beri nombor akaun Tabung Haji

Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 1 February 2021

Page: 20

## RM24,400 lesap selepas beri nombor akaun Tabung Haji

**Alor Gajah:** Gara-gara percaya dakwaan 'Inspektor Aidil', seorang lelaki kehilangan RM24,400 dari akaun Tabung Haji (TH) miliknya.

Wang berkenaan lesap selepas lelaki yang mendakwa pegawai dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang itu mengugut mengambil tindakan terhadap mangsa jika tidak menjelaskan hutang cukai sebanyak RM38,600.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Arshad Abu berkata, dalam kejadian jam 10 pagi semalam, mangsa yang tinggal di sebuah taman perumahan di Pengkalan, di sini, menerima panggilan daripada lelaki yang menggunakan talian 010-3882485.

"Lelaki itu mendakwa dia pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan mangsa mempunyai hutang dengan agensi kerajaan itu. Dia kemudian menyambung talian kepada 'Inspektor Aidil' kononnya dari IPK Pahang.

"Mangsa diarah membuat pindahan wang dari akaun TH ke akaun Bank CIMB," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, bimbang dikenakan tindakan undang-undang kerana mempunyai tunggakan cukai dengan LHDN, mangsa memindahkan wang dari akaun TH ke Bank CIMB pada jam 1 petang kelmarin.

"Mangsa memberikan butiran, termasuk nombor akaun Bank CIMB kepada suspek untuk semakan dan yakin sudah memberikan segala maklumat serta butiran yang diperlukan suspek," katanya.

Bagaimanapun, katanya, mangsa mendapati wang dalam akaunnya berkurangan RM24,400 dan mendapati ada transaksi tanpa pengetahuannya sebelum membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah.